

## **SIARAN MEDIA**

### **MALAYSIA URBAN FORUM 2022 TERUSKAN AGENDA TRANSFORMASI BANDAR YANG BERDAYA HUNI DAN MAMPAN**

**SHAH ALAM, 17 OKTOBER 2022** – YB Tuan Ng Sze Han, Pengurus Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan, Pengangkutan Awam dan Pembangunan Kampung Baru mewakili YAB Dato’ Seri Amirudin bin Shari, Menteri Besar Selangor telah merasmikan Persidangan Malaysia Urban Forum 2022 (MUF2022) bertempat di Pusat Konvensyen MBSA, Seksyen 13 Shah Alam pada pagi ini. Turut hadir ialah YB Puan Rodziah binti Ismail, Pengurus Jawatankuasa Tetap Perumahan, Kesejahteraan Bandar dan Pembangunan Usahawan, Tuan Muhammad Razman bin Abu Samah, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan dan Pembangunan) KPKT, TPr. Ts. Norliza binti Hashim, Ketua Eksekutif URBANICE Malaysia serta Tuan Mohd Rashidi bin Ruslan, Timbalan Majlis Bandaraya Shah Alam.

MUF2022 merupakan persidangan anjuran bersama Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) menerusi URBANICE Malaysia, sebuah agensi di bawah KPKT dan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) selaku bandar tuan rumah. Bertemakan “**Tindakan Tempatan Kepada Bandar dan Komuniti Berdaya Tahan Masa Hadapan (Local Actions to Future-proof Cities and Communities)**”, ia membawa agenda menyeru semua pihak mengambil tindakan segera dalam memastikan transformasi bandar yang berdaya huni dan mampan tercapai. Kemampunan bukan sahaja diukur melalui dasar-dasar, inisiatif dan program, tetapi turut mengambil kira pendapat, pengalaman dan situasi masyarakat pelbagai peringkat. Ini selari dengan hasrat Menteri Besar Selangor untuk menjadikan Bandaraya Shah Alam sebagai bandar contoh di Malaysia.

MUF2022 merupakan platform bagi membincangkan isu-isu tempatan dan penyelesaian kepada isu-isu perbandaran selain gesaan agar pelaksanaannya disegerakan. Persidangan ini juga merupakan Forum Bandar Negara ke-4 dan telah direkodkan sebagai acara terbesar yang melibatkan **319 penceramah** dengan **75 sesi terbuka persidangan**.

Persidangan yang berlangsung dari **16 Oktober sehingga 18 Oktober 2022** ini dijangka menerima penyertaan **lebih daripada 5,000 orang peserta** daripada dalam dan luar negara seperti pertubuhan bukan kerajaan, golongan kelainan upaya, komuniti, institusi pendidikan,

akademik, profesional, sektor swasta, institusi pembangunan kewangan, golongan akar umbi, belia, wanita, kanak-kanak, pengamal media, wakil dari kerajaan tempatan serta peringkat antarabangsa.

Malaysia Urban Forum sentiasa menampilkan kerangka persidangan yang unik dan mengandungi pelbagai sesi perbincangan yang diadakan secara serentak. Kebanyakan sesi perbincangan berbentuk lebih santai, lebih inklusif dan terbuka untuk pelbagai lapisan masyarakat agar dapat merapatkan jurang dalam membentuk dasar-dasar negara.

Antara pengisian program di sepanjang MUF2022 adalah Perhimpunan Akar Umbi, Wanita, Belia, dan Kanak-Kanak; Dialog Peringkat Tertinggi; Sesi Khas; Meja Bulat; Makmal Perbandaran; Bengkel Latihan; Pentas Shah Alam; Acara Sampingan; Platform Keusahawanan Sosial; Pameran; ‘*SDG Trails*’ yang melibatkan projek Pembangunan Elmina & Setia Eco Park, Projek Kebun Komuniti Seksyen 8 Shah Alam dan Jalan Tanjung Api-Api Seksyen 30, Garaj Belia MBSA, Zipline Taman Tasik Shah Alam, Taman Persahabatan Selangor – Jepun, ‘*Musical Fountain*’, Laman@3 MBSA dan Pusat Kitar Semula Komuniti di Seksyen U13; serta *SDGs Run* di program Shah Alam Hari Tanpa Kenderaan MBSA.

Forum ini turut melibatkan kerjasama daripada rakan strategik dalam dan luar negara seperti *United Nations Human Settlements Programme* (UN-Habitat), *United Nations Economic and Social Commission for Asia and the Pacific* (UNESCAP), *United Cities and Local Governments Asia-Pacific* (UCLG ASPAC), *United Nations Population Fund* (UNFPA), *United Nations International Children’s Emergency Fund* (UNICEF), *World Bank*, Kerajaan Negeri Selangor, PLANMalaysia, Agensi Kerajaan Persekutuan serta Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) seluruh Malaysia.

Penganjuran MUF2022 ini merupakan komitmen dan usaha berterusan KPKT dalam memperkuatkannya agenda Malaysia Berdaya Huni atau “*Liveable Malaysia*” bagi menjamin kesejahteraan komuniti serta perancangan bandar yang mampan di Malaysia.

#### **-TAMAT-**

Disediakan oleh:  
URBANICE Malaysia  
17 Oktober 2022

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:  
Dr. Mohd Rizal Osman, Ketua Pegawai Operasi  
T: +6012 786 6508 / E: [rizal@urbanicemalaysia.com](mailto:rizal@urbanicemalaysia.com)  
Cik Amalia `Izzati Shariffuddin, Eksekutif Komunikasi dan Promosi  
T: +6010 – 829 7445 / +6013 – 804 7445 / E: [amalia@urbanicemalaysia.com](mailto:amalia@urbanicemalaysia.com)